



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jld. 45

**29 Ogos 2002**

No. 18

---

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976  
(Act 172)

**No. 39.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 10(6)  
NOTIFICATION UNDER SECTION 10(6)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 10(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Pihak Berkuasa Negeri Perlis dengan ini bersetuju meluluskan Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Kangar (Pengubahan) (1997–2020) bagi pemakaian seluruh Negeri Perlis berkuatkuasa mulai 1 April 2002.

In exercise of the powers conferred by section 10(6) of the Town and Country Planning Act 1976, the State Authority of Perlis hereby agrees to approve the Structure Plan of Majlis Perbandaran Kangar (Amendment) (1997–2020) for application for the whole of Perlis State effective from 1st April 2002.

Bertarikh 9 Ogos 2002.

Dated 9 August 2002

[SUK.(Ps.) 04/094 SK. 1 Jld. 2.]

AHMAD BIN ZAKARIA,  
b.p. Setiausaha Kerajaan,  
Negeri Perlis

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

90

[29 Ogos 2002]

### KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 Tahun 1965)

No. 40.

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN

Kepada Mahamood bin Mat Nor (K/P 3626621), beralamat di FELDA Mata Air, P.O. Padang Besar Utara, 02100 Padang Besar, Perlis penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan dibuang kerja pada 1-2-1992. Dan kamu telah gagal membuat bayaran kesemua baki hutang berjumlah RM40,283.90 iaitu baki sehingga bulan Januari 2002 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan sila ambil perhatian, jika kamu ingkar memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Besi; No. P.T.—1982; Jenis dan No. Hakmilik—HS(D) 3934; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 207, Folio 85 Jilid 1, Satu (1) Hakmilik Sahaja.

Bertarikh 11 Januari 2002.

[PP 25087/88/3.]

Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Perbadanan Malaysia,  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance 1957)

---

No. 41.

(Seksyen 261)

SAMAN-SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Lim Sor Eng yang beralamat di 3 Lengkok Barat, Off Western Road, 10450 Pulau Pinang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Isnin 28 Oktober 2002 jam 11.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/ puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Oran; No. Lot/Petak/PT—PT 1066; Jenis dan No. Hakmilik—GM 679; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 915 Jilid 3 Folio 10.

Bertarikh 12 Ogos 2002.  
[PTG.(Ps.) (R) 1/80 F 920(9).]

FATIMAH BINTI HASSAN,  
Penolong Pentadbir Tanah,  
Negeri Perlis

No. 42.

Kepada Sutip a/l Nuan & Dang a/p Enden Fong yang beralamat di Lot 12-G Kampung Kisap, Mukim Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Selasa 1 Oktober 2002 jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/ puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Chuping; No. Lot/Petak/PT—1725; Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 935; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 1110 Jilid 3 Folio 59.

Bertarikh 12 Ogos 2002.

[PTG.(Ps.) (R) 1/80 F 562(30).]

FATIMAH BINTI HASSAN,  
Penolong Pentadbir Tanah,  
Negeri Perlis

## No. 43.

(Seksyen 264)

### NOTIS-NOTIS LELONGAN

Menurut Perintah Pentadbir Tanah Perlis bertarikh 3 Jun 2002 adalah dengan ini saya Fatimah binti Hassan pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara akan mengadakan lelong awam di perkaranan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perlis. Butir-butir mengenai acara dan peraturan lelong tanah yang berkenaan seperti Jadual di bawah:

- (a) Tarikh: 18 September 2002.
- (b) Masa: 11.00 pagi.
- (c) Harga rizab bagi maksud jualan: RM40,000.00.

2. Peraturan jualan adalah seperti yang diperuntukkan di bawah kaedah tanah Perlis 1987:

- (i) Jualan hendaklah dijalankan di bawah arahan Pentadbir Tanah.
- (ii) Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit 10% daripada harga rizab dalam bentuk bank deraf di atas nama pemegang gadaian dan diserahkan semasa mendaftar sebagai penawar. Pendaftaran sebagai penawar akan ditutup 30 minit sebelum masa lelongan bermula.
- (iii) Baki wang belian hendaklah dibayar oleh pembeli dalam satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan kepada pemegang gadaian.
- (iv) Tiada sebarang lanjutan tempoh yang dibenarkan sekiranya pembeli gagal menjelaskan baki wang belian selepas tamat tempoh satu ratus dua puluh (120) hari.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

29 Ogos 2002]

93

---

- (v) Deposit 10% yang diterima akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya sebaik sahaja lelong ditutup.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Oran; Tempat—No. 28 Jalan Ria 5, Taman Ria, 02600 Arau, Perlis; No. Lot/Petak/PT—Lot 1083; Jenis dan No. Hakmilik—GM 696; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 608/1994 Jilid 2 Folio 77.

Bertarikh 9 Ogos 2002.

[PTG.(Ps.) (R) 1/80F 924(25).]

FATIMAH BINTI HASSAN,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Negeri Perlis

### No. 44.

Menurut Perintah Pentadbir Tanah Perlis bertarikh 3 Jun 2002 adalah dengan ini saya Fatimah binti Hassan pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara akan mengadakan lelong awam di perkarangan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perlis. Butir-butir mengenai acara dan peraturan lelong tanah yang berkenaan seperti Jadual di bawah:

- (a) Tarikh: 18 September 2002.
- (b) Masa: 10.30 pagi.
- (c) Harga rizab bagi maksud jualan: RM40,000.00.
2. Peraturan jualan adalah seperti yang diperuntukkan di bawah kaedah tanah Perlis 1987:
- (i) Jualan hendaklah dijalankan di bawah arahan Pentadbir Tanah.
- (ii) Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit 10% daripada harga rizab dalam bentuk bank deraf di atas nama pemegang gadaian dan diserahkan semasa mendaftar sebagai penawar. Pendaftaran sebagai penawar akan ditutup 30 minit sebelum masa lelongan bermula.
- (iii) Baki wang belian hendaklah dibayar oleh pembeli dalam satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan kepada pemegang gadaian.
- (iv) Tiada sebarang lanjutan tempoh yang dibenarkan sekiranya pembeli gagal menjelaskan baki wang belian selepas tamat tempoh satu ratus dua puluh (120) hari.
- (v) Deposit 10% yang diterima akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya sebaik sahaja lelong ditutup.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

94

[29 Ogos 2002]

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Oran; Tempat—No. 6 Jalan Ria 5, Taman Ria, 02600 Arau, Perlis; No. Lot/Petak/PT—Lot 1072; Jenis dan No. Hakmilik—GM 685; Bahagian Tanah (jika ada)—Semua; No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 978/1991 Jilid 3 Folio 31.

Bertarikh 12 Ogos 2002.

[PTG.(Ps.) (R) 1/80F 919(16).]

FATIMAH BINTI HASSAN,  
b.p. Pentadbir Tanah,  
Negeri Perlis

### PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.  
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA